



RINGAKASAN KAJIAN

Kajian mengenai Sikap dan Persepsi Orang Awam di Malaysia mengenai Keganasan Terhadap Wanita (VAW)



Ringkasan kajian ini meliputi dapatan awal dan saranan daripada satu kajian yang dijalankan oleh Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) dengan sokongan Global Fund for Women (GFW), Yayasan Sime Darby (YSD), nasihat daripada sebuah panel yang terdiri daripada lima pakar akademik dan bimbingan dari enam belas pemandiri keganasan terhadap wanita (VAW) yang telah berani berkongsi kisah mereka dengan kami.

Pengenalan

Keganasan terhadap wanita (VAW) adalah isu hak asasi manusia yang penting dan ia juga merupakan satu isu kesihatan awam yang mampu mendatangkan kesan mendalam kepada masyarakat. Matlamat untuk mencegah dan menghapuskan VAW, walaubagaimanapun, tidak boleh dicapai tanpa kita menangani punca sebenar VAW, iaitu sikap patriarki dan norma stereotaip gender yang mewajarkan keganasan, menyanjung lelaki dan tidak menghormati wanita.

Beberapa tahun kebelakangan ini, wujudnya kempen meningkatkan kesedaran yang dianjurkan oleh pelbagai pihak di Malaysia yang bermatlamat untuk menarik perhatian orang awam kepada isu VAW. Walaupun kempen-kempen ini boleh membantu untuk memberi tumpuan kepada isu VAW sebagai yang memerlukan keprihatinan awam, pakar menyarankan inisiatif pencegahan yang efektif harus memberi fokus kepada sokongan perubahan sikap, norma dan tabiat yang mengekalkan VAW.¹ Akan tetapi, sikap orang awam Malaysia dan persepsi terhadap VAW masih kekurangan kajian pada masa kini lantas mewujudkan jurang dalam pemahaman strategi yang akan berkesan dalam konteks Malaysia untuk mengubah dengan positif sikap dan tabiat yang mewajarkan keganasan.

Oleh itu, persoalan utama yang ingin dijawab melalui kajian ini ialah: Apakah sikap dan persepsi umum orang awam Malaysia mengenai keganasan terhadap wanita dan apakah impaknya kepada masyarakat, terutamanya pemandiri?

Untuk menjawab soalan ini, kajian ini dijalankan dengan objektif-objektif berikut:

- Untuk meneroka dan menilai sikap dan kesedaran rakyat Malaysia terhadap keganasan terhadap wanita dan kesamarataan gender
- Untuk meneroka persepsi dan kesedaran rakyat Malaysia terhadap sumber bantuan dan pesanan awam bagi keganasan terhadap wanita
- Untuk meneroka bagaimana sikap dan persepsi rakyat Malaysia terhadap keganasan terhadap wanita dan impaknya kepada pengalaman mendapatkan bantuan oleh pemandiri.

¹ Lori Michau et al., "Prevention Of Violence Against Women And Girls: Lessons From Practice", *The Lancet* 385, no. 9978 (2015): 1672-1684, doi:10.1016/s0140-6736(14)61797-9.

Bagi mencapai objektif-objektif ini, kajian ini memutuskan untuk mengambil ilham darikira kajian meluas yang dilakukan oleh Australia's National Research Organisation for Women's Safety (ARROWS) dalam Tinjauan Komuniti Nasional Terhadap Keganasan Terhadap Wanita (NCAS)² yang dijalankan setiap empat tahun di Australia bagi mengukur dan memantau sikap orang awam Australia terhadap VAW. Skala soalan terpilih daripada NCAS telah disemak dan diadaptasi kepada konteks Malaysia bagi menilai kelaziman sikap mewajarkan keganasan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Definisi Penting

Keganasan terhadap wanita (VAW): Sebarang tindakan keganasan berdasarkan gender yang mengakibatkan, atau boleh mengakibatkan, kecederaan fizikal, seksual dan psikologi atau penderitaan kepada wanita termasuklah tindakan mengancam, pemerasan atau penindasan kebebasan sewenang-wenangnya, sama ada berlaku di ruang awam atau kehidupan peribadi.³ Ini merangkumi keganasan rumahtangga, rogol, gangguan seksual, menghendap dan sebarang amalan yang membahayakan seperti perkahwinan kanak-kanak dan pemotongan genitalia wanita (FGM/C).

Amalan yang membahayakan: Bentuk-bentuk keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan yang dipertahankan atas dasar tradisi, budaya, agama atau kepercayaan karut oleh sesetengah ahli komuniti.⁴

Sikap membenarkan keganasan: Sikap yang mewajarkan, mengecualikan, meremehkan VAW atau menyalahkan pemandiri atas keganasan yang dilakukan ke atas mereka.

Dapatan awal kajian ini menunjukkan wujudnya keperluan serius bagi intervensi pencegahan dan program bagi VAW di Malaysia yang fokusnya bukan sekadar perkongsian maklumat tetapi bermatlamat untuk mencabar secara aktif sikap yang mendukung budaya VAW dalam masyarakat Malaysia. Berdasarkan beberapa analisis awal, kajian tersebut telah menekankan dimensi-dimensi khusus sikap yang mewajarkan keganasan yang menjadi kelaziman dalam masyarakat Malaysia. Dengan mengenalpasti dimensi ini, ianya akan membantu perangkaan program pencegahan di masa hadapan dan menyediakan asas bagi pemantauan berterusan kepada kemajuan atau kemunduran sikap dan persepsi orang awam Malaysia terhadap VAW.

Dapatan awal dan saranan yang diketengahkan dalam laporan ini adalah berdasarkan:

- Tinjauan yang menilai sikap dan persepsi 1,000 peserta daripada populasi Malaysia menerusi syarikat penyelidikan, Ipsos, secara dalam talian. Pensampelan rawak berstrata telah digunakan bagi memastikan keputusan tinjauan diwakili oleh populasi Malaysia,
- Temuramah mendalam bersama 16 pemandiri keganasan terhadap wanita (keganasan rumahtangga, rogol, gangguan seksual, menghendap) untuk mengenalpasti kesan sikap dan persepsi orang awam ke atas pengalaman pemandiri dalam mendapatkan bantuan, dan
- Ulasan ringkas mengenai kajian sedia ada dan wacana mengenai FGM/C di Malaysia, ditulis bersama Sisters in Islam (SIS) dan Asian-Pacific Resource and Research Centre for Women (ARROW).

² Australia's National Research Organisation for Women's Safety (ARROWS), *Australians' Attitudes To Violence Against Women And Gender Equality: Findings From The 2017 National Community Attitudes Towards Violence Against Women Survey (NCAS)* Sydney, NSW: ARROWS, 2018. bit.ly/3BEZAp

³ United Nations, *Declaration on the Elimination of Violence Against Women* New York: United Nations Dept. of Public Information, 1993.

⁴ ActionAid UK et al., "Harmful Traditional Practices Affecting Women and Girls" International Planned Parenthood Federation, December 28, 2012, <https://bit.ly/3FSCRsF>.

Dapatan Awal

Dapatan 1: Hanya kira-kira separuh daripada rakyat Malaysia berkemungkinan menentang sikap mewajarkan keganasan dan menyokong kesamarataan gender.


- Hanya kira-kira separuh dari populasi responden menentang sikap mewajarkan keganasan (52.7%) dan menyokong kesamarataan gender (46.3%).
 - 25.4% menyokong sikap mewajarkan keganasan dan 21.9% tidak pasti dengan pendirian mereka, lantas dikira subahat
 - 23.8% meremehkan kesamarataan gender atau tidak pasti dengan pendirian mereka/subahat (29.9%)
- Lelaki, terutamanya lelaki yang lebih tua, memberikan respon yang lebih negatif dan respon yang tidak pasti berbanding wanita.

Dapatan 2: Rakyat Malaysia menunjukkan respon yang paling membimbangkan ke atas sikap dan persepsi yang:


- Melepaskan pelaku dan mempertanggungjawabkan wanita atas keganasan yang dilakukan ke atas mereka**
- Mengabaikan hak wanita untuk persetujuan**
- Tidak mempercayai laporan wanita mengenai VAW**
- Merendahkan kebebasan dan hak membuat keputusan wanita di ruang awam dan peribadi**
- Menafikan ketaksamarataan gender adalah satu masalah**

Walaupun kesemua tema soalan dalam kajian ini saling berkaitan antara satu sama lain, enam tema yang telah dikenalpasti di atas mewakili bidang tumpuan kritis yang perlu diutamakan dalam menggubal program pencegahan. Kenyataan khusus dalam tema-tema ini yang menerima respon negatif khusus telah dikaji dengan lebih mendalam dalam Bab 3 kajian penuh. Walaupun pendirian yang tidak pasti atau neutral terhadap VAW atau ketaksamarataan gender dilihat tidak berbahaya, kajian ini berpendapat bahawa individu yang berpendirian sebegini adalah bersubahat dalam sistem yang mewajarkan VAW, dan cenderung membenarkan secara pasif perlakuan sikap dan tabiat yang membolehkan keganasan.


Rajah 1: Peratusan respon negatif di dalam Skala Sikap Komuniti terhadap Keganasan Terhadap Wanita (CASVAWS)




Rajah 2: Peratusan respon negatif dalam Skala Sikap Kesamarataan Gender (GEAS)



Rajah 3: Peratusan respon positif berbanding respon negatif dan tidak pasti bagi Skala Sikap Komuniti terhadap Keganasan Terhadap Wanita (CASVAWS)




Rajah 4: Peratusan respon positif berbanding respon negatif dan tidak pasti bagi Skala Sikap Kesamarataan Gender (GEAS)



Dapatan 3: Lelaki, terutamanya lelaki yang lebih tua, memberikan lebih banyak respon negatif dan tidak pasti terhadap VAW dan kesamarataan gender berbanding wanita

- Untuk kesemua tema, **lelaki memberikan lebih banyak respon negatif dan tidak pasti berbanding wanita** (rujuk Rajah 1 dan 2), kecuali dalam tema *merendahkan kebebasan dan keputusan wanita dalam ruang peribadi*.
- Bagi tema *merendahkan kebebasan dan keputusan wanita dalam ruang peribadi*, hasil survei menunjukkan:
 - Wanita (54.2% respon negatif) menunjukkan peratusan respon negatif lebih tinggi berbanding lelaki (42.1% respon negatif).** Ini menunjukkan wanita Malaysia cenderung mengizinkan dan membenarkan dominasi lelaki dalam lingkungan kehidupan peribadi mereka.
 - Lelaki lebih cenderung menunjukkan ketidakpastian (46.6%) berbanding sokongan jelas** untuk merendahkan kebebasan dan keputusan wanita dalam ruang peribadi.
 - Berbanding responden berusia 18-24 tahun, responden berusia 45 tahun dan ke atas 2.5 kali lebih cenderung menunjukkan sikap-sikap ini sementara responden berusia 35-44 tahun 2.2 kali lebih cenderung.
- Perbezaan respon mengikut jantina juga nyata di dalam tema *tidak mempercayai laporan keganasan wanita, mengabaikan hak persetujuan wanita, merendahkan kebebasan dan hak membuat keputusan wanita dalam ruang awam dan menafikan ketaksamarataan gender adalah satu masalah* (rujuk Rajah 1 dan 2).
- Bagi tema *tidak mempercayai laporan keganasan wanita*, jurang gender sebanyak 28.1% dapat dilihat bagi respon positif (rujuk Rajah 5) dan menunjukkan **wanita lebih cenderung untuk mempercayai laporan keganasan wanita yang lain sementara lelaki berkecenderungan untuk bersikap tidak pasti atau tidak mempercayai laporan keganasan wanita**. Ini juga jelas dalam respon terhadap soalan individu yang bagi tema ini.
- Perbezaan usia turut didapati bagi tema *meremehkan keganasan terhadap wanita*, di mana apabila responden 45 tahun dan ke atas dua kali lebih cenderung untuk menunjukkan sikap ini berbanding responden berusia 18-24 tahun, sementara responden berusia antara 35-44 tahun adalah 1.89 kali lebih cenderung meremehkan keganasan.

Rajah 5: Peratusan respon positif, negatif, dan tidak pasti bagi tema tidak mempercayai laporan keganasan wanita



Dapatan 4: Walaupun rakyat Malaysia menunjukkan kefahaman yang baik tentang bentuk-bentuk VAW, wujudnya jurang antara kefahaman rakyat Malaysia mengenai keganasan dan persepsi mereka mengenai bagaimana ianya digambarkan dalam kehidupan peribadi mereka

- Walaupun hasil tinjauan menunjukkan secara keseluruhan rakyat Malaysia memiliki kefahaman yang baik mengenai bentuk keganasan fizikal (94.1%) dan bukan fizikal (83.1%), hasil tinjauan dari sudut penyiasatan yang lain menunjukkan **kefahaman ini mungkin cetek kerana wujudnya jurang antara kefahaman rakyat Malaysia mengenai keganasan dan persepsi mereka mengenai bagaimana ianya boleh berlaku dalam kehidupan peribadi mereka.**
 - Contohnya, walaupun majoriti daripada populasi responden bersetuju bahawa menampar dan menolak adalah bentuk keganasan (96.5%), sebahagian besar populasi responden juga cenderung mempercayai bahawa keganasan rumahtangga adalah reaksi normal kepada tekanan harian dan kekecewaan (53.3%) atau meninggal hubungan yang mendera tidaklah sesukar apa yang dikatakan (37.1%).
 - Ini menunjukkan kefahaman mengenai apa itu VAW **tidak semestinya merangkumi kefahaman mengenai wujudnya ketidak seimbangan kuasa dalam perhubungan antara pelaku dan pemandiri atau kesedaran mengenai mitos rogol, kecenderungan menyalahkan mangsa/pemandiri, dan ketidakadilan yang diterima oleh pemandiri akibat sikap ini.**

Dapatan 5: Rakyat Malaysia cenderung untuk kurang memahami rogol dan beberapa bentuk keganasan bukan fizikal

- Berkenaan rogol, rakyat Malaysia menunjukkan kefahaman yang kurang terhadap rogol statutori (hanya 55.4% responden yang memahami) dan bahawa rogol kebiasaannya dilakukan oleh orang yang dikenali pemandiri (hanya 44.3% responden yang memahami). Ini menunjukkan satu **keperluan penting untuk mempertingkatkan kefahaman umum mengenai definisi dan ciri-ciri rogol**. Lebih-lebih lagi kerana sebahagian besar kes rogol di Malaysia melibatkan perempuan bawah umur 18 tahun, dan pelaku yang dikenali mangsa/pemandiri.^{5 6}

⁵ Home Minister, "Parliamentary Reply: Question 473," Parliamentary Reply: Question 473, Parliamentary Reply: Question 473 (2019), <https://bit.ly/3E3Jh6y>

⁶ Muhammad Imran Ahmad et al., "Sexual Assault: A Descriptive Study of Victims Attending a Public Hospital in Ipoh," *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences* 16, no. 1 (2020): pp. 17-23, <https://bit.ly/2Z5biLB>

- Walaupun menunjukkan kefahaman keseluruhan yang baik mengenai jenis-jenis VAW, kefahaman rakyat **Malaysia mengenai bentuk keganasan bukan fizikal masih lagi rendah berbanding keganasan fizikal.**
 - Ini terutamanya bagi **tabiat mengawal** (seperti menafikan akses kewangan kepada wanita atau mencegah pasangan daripada berjumpa keluarga atau rakan) yang mana menerima kira-kira 11.0% respon negatif atau tidak menyokong dan masing-masing 4.6% dan 6.3% respon tidak pasti bagi tabiat-tabiat mengawal ini.
 - Tambahan lagi, walaupun terdapat 85.0% respon yang bertanggapan bahawa menghendapan (stalking) adalah satu bentuk keganasan, peratusan yang lebih rendah (78.1%) bertanggapan tabiat hendapan siber oleh pasangan seperti pengesanan panggilan, lokasi, dan aktiviti pasangan berulang kali sebagai satu bentuk keganasan rumah tangga.
 - Percanggahan ini menunjukkan tabiat menghendap oleh pasangan mungkin dianggap boleh diterima oleh rakyat Malaysia.
 - Ini juga menyumbang kepada masalah di mana masyarakat tidak memandang menghendap dengan serius apabila ianya dilakukan oleh bekas pasangan pemandiri.

Dapatan 6: Rakyat Malaysia cenderung mengabaikan hak persetujuan wanita

- **Hanya 34.3% reponden menunjukkan respon menyokong hak persetujuan wanita.**
 - Ini menunjukkan sebahagian rakyat Malaysia kurang mengambil berat keputusan dan pilihan wanita dalam hubungan intim dan seksual mereka.
 - Bagi soalan dalam tema ini lelaki lebih banyak memberi respon tidak menyokong berbanding wanita.
 - Ini amat membimbangkan kerana penafian **keperluan untuk mendapatkan persetujuan dalam hubungan seksual**, termasuklah antara pasangan yang sudah berkahwin, **menyumbang kepada sikap masyarakat yang meremehkan keganasan terhadap wanita, tidak mempercayai laporan keganasan, dan membiarkan tabiat ganas oleh pelaku**, terutamanya apabila ruang peribadi dicabuli dan keganasan terhadap wanita berlaku.
 - Kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mendapatkan persetujuan amat penting bagi mengelakkan pemandiri dipersalahkan. **Kesedaran mengenai hak persetujuan wanita merupakan satu pengiktirafan kepada autonomi wanita ke atas tubuh badannya.**

Dapatan 7: Mitos rogol menjadi kelaziman dalam masyarakat Malaysia

- Mitos rogol adalah "sikap dan kepercayaan yang secara umumnya salah tetapi dipercayai oleh orang ramai, dan ianya digunakan untuk menafikan dan menjustifikasi kekasaran seksual lelaki terhadap wanita."⁷
 - Ianya berasal dari stereotaip gender, penerimaan keganasan interpersonal, dan kesalahfahaman mengenai rogol dan serangan seksual.⁸
 - Lebih penting lagi, sokongan masyarakat kepada mitos rogol selalunya membawa kepada sikap yang meremehkan betapa teruknya keganasan seksual atau tidak mempercayai laporan keganasan wanita.⁹
 - Ianya boleh membentuk respon pegawai perundangan dan penguatkuasaan terhadap pemandiri.
 - Apabila para pemandiri sendiri mempercayai mitos rogol, mereka mungkin akan menyalahkan diri dan enggan mendapat bantuan kerana takut pemangsaan semula (*revictimisation*) oleh sistem keadilan jenayah.^{10 11}
- Kajian ini mendedahkan bahawa **rakyat Malaysia mempunyai kepercayaan tinggi kepada mitos rogol**, kerana mempercayai rogol berlaku disebabkan:
 - lelaki tidak berupaya mengawal keinginan mereka - 83.3% reponden
 - wanita tidak menjaga cara pemakaian mereka - 49.1% responden

⁷ Kimberly A. Lonsway and Louise F. Fitzgerald, "Rape Myths," *Psychology of Women Quarterly* 18, no. 2 (1994): pp. 133-164, doi:10.1111/j.1471-6402.1994.tb00448.x

⁸ Martha R. Burt, "Cultural Myths and Supports for Rape," *Journal of Personality and Social Psychology* 38, no. 2 (1980): pp. 217-230, doi:10.1037/0022-3514.38.2.217.

⁹ Patrice Crall and Wind Goodfriend, "She Asked for It: Statistics and Predictors of Rape Myth Acceptance," *Modern Psychological Studies* 22, no. 1 (2016), <https://scholar.utc.edu/mps/vol22/iss1/4>.

¹⁰ ibid.

¹¹ Amy Dellinger Page, "Gateway to Reform? Policy Implications of Police Officers' Attitudes toward Rape," *American Journal of Criminal Justice* 33, no. 1 (2008): pp. 44-58, doi:10.1007/s12103-007-9024-9.

- wanita tidak menjaga perlakuan mereka - 51.3% responden
- Dapatkan ini menunjukkan bahawa mitos rogol adalah sangat lazim.
 - Terdapat beberapa kajian yang telah menunjukkan bahawa kepercayaan kepada mitos rogol meningkatkan kecenderungan sikap menyokong keganasan dan melambangkan ketidakadilan terhadap pemandiri.^{12 13}
- Tumpuan perlulah diubah daripada apa yang dilakukan atau tidak dilakukan oleh pemandiri kepada satu-satunya perkara yang lebih penting: Tindakan ganas dan tabiat pelaku kerana keganasan seksual adalah satu perbuatan sedar dan keputusan aktif daripada pelaku.

Dapatan 8: Hampir satu pertiga rakyat Malaysia cenderung mempercayai bahawa wanita biasanya melebih-lebihkan tahap ketaksamarataan gender di Malaysia.

- Ketaksamarataan gender di Malaysia telah didokumentasikan dengan lengkap, terutamanya dengan kedudukan Malaysia yang berada pada tangga 112 daripada 156 negara dalam Laporan Jurang Gender Global 2021.¹⁴
- Wanita di Malaysia masih kekurangan pemerkasaan komprehensif dari segi ekonomi dan politik, yang amat penting untuk mencapai kesamarataan.
 - Tanpa pemerkasaan ekonomi, wanita kekal bergantung kepada pasangan dari sudut kewangan, sementara kekurangan pemerkasaan politik bermakna keperluan wanita mungkin tidak diperjuangkan atau dicerminkan dalam pengubalan dasar negara.
 - Ini dapat dilihat melalui perwakilan wanita di Parlimen, Kementerian, dan Dewan Undangan Negeri yang jarang melebihi 15% di Malaysia,¹⁵ jauh lebih rendah daripada purata global pada tahap 24.9%.¹⁶
 - Apabila institusi dan struktur sosial tidak menyokong pemerkasaan wanita, kerentanan kepada keganasan turut meningkat kerana wanita mungkin merasa kurang memiliki sokongan untuk meninggalkan hubungan yang ganas, terutamanya apabila mereka bergantung kepada pelaku untuk memenuhi keperluan kewangan dan keperluan asas, seperti tempat tinggal dan makanan.
- Walaubagaimanapun, **hanya purata 36.2% responden kajian ini mengakui bahawa ketaksamarataan gender wujud di Malaysia.**
 - Ini menunjukkan posisi wanita yang rendah di dalam masyarakat dilihat sebagai normal dan diterima, digambarkan oleh **satu pertiga respon (30.9%) yang percaya bahawa wanita biasanya melebih-lebihkan isu ketaksamarataan gender di Malaysia, sementara satu pertiga lagi (36.5%) tidak pasti mengenai perkara ini.**
 - Secara paradoks, walaupun menafikan kewujudan ketaksamarataan gender di Malaysia, **hampir satu pertiga daripada respon (27.2%) menyokong idea yang merendahkan kebebasan dan hak wanita untuk membuat keputusan di ruang awam, sementara hampir separuh daripada respon (48.0%) merendahkan kebebasan dan hak wanita untuk membuat keputusan wanita di ruang peribadi.** Ini digambarkan oleh betapa rendahnya tahap penentangan kepada kenyataan-kenyataan berikut:
 - Lelaki adalah majikan yang lebih berkebolehan berbanding wanita di tempat kerja (hanya 38.5% menentang kenyataan ini)
 - Secara keseluruhan, lelaki adalah ketua politik yang lebih baik berbanding wanita (hanya 41.2% menentang kenyataan ini)
 - Lelaki sepatutnya memegang posisi yang membawa tanggungjawab lebih besar berbanding wanita di dalam komuniti (hanya 42.1% menentang kenyataan ini)
 - Apabila semakin ramai individu percaya bahawa lelaki adalah ketua yang lebih baik di kedua-dua ruang awam dan peribadi, semakin ramai wanita akan cenderung untuk dikecualikan daripada proses membuat keputusan dan tidak merasa tergalak untuk mengutarakan keperluan mereka. Isu ini timbul kerana dalam masyarakat yang mana institusinya terbina oleh dan untuk lelaki dan di mana keperluan unik wanita terabai. Penafian berterusan atau pengabaian terhadap realiti ketaksamarataan gender sentiasa menyumbang kepada pengekalan struktur yang tidak menyokong kesamarataan gender dalam kitaran yang meletakkan wanita di posisi yang berisiko

¹² Lonsway and Fitzgerald, "Rape Myths."

¹³ Anastasia Powell and Kim Webster, "Cultures of Gendered Violence: An Integrative Review of Measures of Attitudinal Support for Violence against Women," *Australian & New Zealand Journal of Criminology* 51, no. 1 (2016): pp. 40-57, doi:10.1177/0004865816675669.

¹⁴ World Economic Forum, *Global Gender Gap Report 2021* World Economic Forum, 2021, www3.weforum.org/docs/WEF_GGGR_2021.pdf.

¹⁵ Exact numbers: 16.1% of Ministerial, 14.9% of Parliamentary, and, on average, 11.4% of State-elected representative positions. Source: Global Gender Gap Report and Wikipedia

¹⁶ Inter-Parliamentary Union, "Women in Parliaments: World and Regional Averages," Inter-Parliamentary Union, Last modified October 1, 2019, <http://archive.ipu.org/wmn-e/world.htm>.

dan rentan.

Dapatan 9: Hanya satu per sepuluh rakyat Malaysia menyokong penuh perkahwinan kanak-kanak dan sokongan tertinggi adalah daripada lelaki yang lebih tua

- 70.3% responden tinjauan menentang perkahwinan kanak-kanak dalam apa jua keadaan.
- Kira-kira satu per sepuluh rakyat Malaysia menyokong penuh perkahwinan kanak-kanak, dan sokongan tertinggi adalah daripada lelaki yang lebih tua berusia 55 tahun ke atas.
- Perkahwinan kanak-kanak melibatkan kanak-kanak perempuan (11.2% respon menyokong) mendapat kurang tentangan berbanding perkahwinan melibatkan kanak-kanak lelaki (9.5% respon menyokong), sejajar dengan bukti sedia ada mengenai kelaziman yang lebih tinggi dalam perkahwinan kanak-kanak dalam kalangan kanak-kanak perempuan di Malaysia.
- Lebih membimbangkan, daripada 11.2% yang menyokong perkahwinan kanak-kanak melibatkan kanak-kanak perempuan, majoritinya menyedari pelbagai bahaya yang bakal dihadapi akibat daripada amalan tersebut.
 - Contohnya, 50.0% daripada sub kumpulan ini menyedari bahawa perkahwinan kanak-kanak membahayakan pembesaran kanak-kanak perempuan dan 52.7% menyedari bahawa perkahwinan kanak-kanak meningkatkan risiko kanak-kanak perempuan mengalami keganasan rumah tangga.
 - Ini menunjukkan, bagi rakyat Malaysia yang menyokong perkahwinan kanak-kanak, idea menjaga maruah keluarga serta mengelakkan rasa malu yang berpunca dari seks luar nikah melebihi kepentingan autonomi dan kemaslahatan jangka panjang kanak-kanak perempuan.
- Analisis lanjutan juga mendedahkan bahawa taburan antara kawansan di Malaysia (Utara, Pantai Timur, Selatan, Sabah, dan Sarawak), mereka yang menyokong perkahwinan kanak-kanak adalah lebih kurang sama
 - Sokongan mengikut kawasan merangkumi antara 8.1% hingga 15.9% bagi perkahwinan kanak-kanak melibatkan kanak-kanak perempuan, dan 8.1% hingga 14.8% bagi perkahwinan kanak-kanak melibatkan kanak-kanak lelaki.
 - Kawasan Pantai Timur menunjukkan sokongan yang lebih tinggi sedikit bagi perkahwinan kanak-kanak berbanding kawasan lain (15.9% bagi perkahwinan melibatkan kanak-kanak perempuan dan 14.8% bagi perkahwinan melibatkan kanak-kanak lelaki).
 - Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) merekodkan sokongan paling sedikit bagi perkahwinan kanak-kanak (8.1%).
- Tambahan lagi, kajian ini menunjukkan rakyat Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar mempunyai kecenderungan yang sama dalam menyokong perkahwinan kanak-kanak.

Dapatan 10: Persepsi rakyat Malaysia terhadap Pemotongan Genitalia Wanita (FGM/C) cenderung dibentuk oleh beberapa isu-isu dasar.

- Walaupun FGM/C tidak disiasat secara khusus dalam tinjauan ini, laporan ini telah mengetengahkan satu bab khas mengenai FGM/C dengan kerjasama dua organisasi hak asasi wanita, ARROW dan SIS yang telah memperjuangkan isu menghentikan FGM/C di Malaysia.
- FGM/C kekal menjadi amalan meluas kerana:
 - Kesalahfahaman kewajipan agama bersama-sama dengan tafsiran budaya terhadap agama, seksualiti, dan kebersihan.
 - Peralihan amalan FGM/C semakin dilihat dari sudut model perubatan. Jika sebelum ini, amalan FGM/C dikendalikan oleh Mak Bidan, ianya kini semakin dikendalikan kepada profesional perubatan seperti doktor, menyebabkan amalan tersebut semakin diterima.
- Bagi para doktor menyediakan perkhidmatan prosedur FGM/C, mereka lihat ianya sebagai teknik mengurangkan bahaya (*harm reduction*) yang sangat diperlukan.¹⁷ Namun, bukti menunjukkan bahawa cara para doktor menjalankan FGM/C menyebabkan perubahahan dalam klasifikasi WHO terhadap FGM/C, iaitu dari Jenis IV

¹⁷ Marie-Hélène Doucet, Christina Pallitto, and Danielle Groleau, "Understanding the Motivations of Health-Care Providers in Performing Female Genital Mutilation: An Integrative Review of the Literature," *Reproductive Health* 14, no. 1 (2017), doi:10.1186/s12978-017-0306-5.

kepada Jenis I yang lebih membahayakan, yang mana klitoris dibuang separuh atau sepenuhnya.¹⁸

- Ramai yang percaya bahawa pendekatan perubatan merupakan satu langkah ke arah penghentian amalan FGM/C, tetapi, sebaliknya yang ditegaskan oleh WHO, tiada bukti yang menunjukkan perubatan sebagai langkah yang akan membawa kepada penghentian FGM/C.¹⁹
- Isu ini disukarkan lagi dengan kurangnya komunikasi jelas oleh pihak yang berkepentingan.
 - Walaupun tiada dalil khusus di dalam Quran atau hadith yang mewajibkan FGM/C, wujudnya fatwa kebangsaan yang mengfatwakan kewajiban FGM/C,²⁰ yang telah diwartakan oleh negeri-negeri pada takat yang berbeza-beza.
 - Walaubagaimanapun, Perlis telah mengumumkan fatwa sendiri yang bertentangan dengan fatwa kebangsaan.²¹
 - Komuniti perubatan telah gagal menyatakan pendirian yang jelas walaupun pengamal perubatan menyatakan kerelaan mereka untuk berhenti menyediakan prosedur FGM/C sekiranya ianya diharamkan.²²
 - Kesemua maklum balas ini telah mewujudkan persekitaran yang mengelirukan, di mana ibu bapa tidak diberi maklumat yang mencukupi untuk membuat keputusan. Ini dibuktikan oleh satu kajian yang sedang dijalankan, yang mana **90% ibu bapa yang menghantar anak perempuan mereka untuk FGM/C tidak mengetahui bahawa amalan ini diklasifikasikan sebagai FGM di bawah WHO.**²³
- Akhir sekali, kajian oleh SIS menunjukkan bahawa FGM/C menerima liputan media yang berat sebelah.
 - Hanya artikel berbahasa Inggeris yang membincangkan tentang mitos mengenai amalan ini manakala artikel berbahasa Malaysia gagal untuk mengupas isu ini secara komprehensif, malah menyebarkan mitos tentang kebaikan amalan ini.²⁴
 - Ini menandakan tindakan yang aktif perlu dilakukan bagi menyebarkan maklumat yang berkesan kepada komuniti yang relevan dalam bentuk yang mudah difahami dan boleh diakses.

Dapatan 11: Berbanding sumber sokongan formal yang lain, rakyat Malaysia cenderung meminta bantuan dari pihak polis setelah berlaku kejadian keganasan rumah tangga dan gangguan seksual

- **Pihak polis dan keluarga** adalah sumber bantuan penting bagi orang awam.
 - Kira-kira satu pertiga rakyat Malaysia cenderung meminta bantuan dari pihak polis terlebih dahulu setelah kejadian keganasan rumah tangga dan gangguan seksual.
 - Positifnya, ini juga menunjukkan sekurang-kurangnya satu pertiga rakyat Malaysia melihat keganasan rumah tangga dan gangguan seksual sebagai jenayah.
- **Talian Kasih telah dipilih sebagai sokongan yang pertama oleh kurang dari 10% responden**, menandakan kekurangan kesedaran awam mengenai perkhidmatan ini dan peranan Talian Kasih dalam memberi perkhidmatan kepada pemandiri keganasan rumah tangga dan gangguan seksual yang berada dalam keadaan krisis.
- Selain dari pihak polis, pihak berkepentingan kerajaan yang lain seperti **Jabatan Kebajikan Masyarakat, hospital, dan klinik kesihatan** kurang dipilih oleh responden, menandakan keperluan kritikal untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai pelbagai perkhidmatan yang disediakan kepada pemandiri VAW.

¹⁸ Abdul Rashid, Yufu Iguchi, and Siti Nur Afiqah, "Medicalization of Female Genital Cutting in Malaysia: A Mixed Methods Study," *PLOS Medicine* 17, no. 10 (2020), doi:10.1371/journal.pmed.1003303.

¹⁹ World Health Organization, "Female Genital Mutilation," World Health Organization, Last modified February 3, 2020, <http://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/female-genital-mutilation>.

²⁰ JAKIM, "Hukum Pemotongan Genitalia Wanita (Female Genital Mutilation)," Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah, Last modified 2009, <https://bit.ly/3AvIxos>.

²¹ Malay Mail, "Perlis Mufti Decrees Female Circumcision Optional, Says No Proof It Cuts Libido: Malay Mail," Malay Mail, Last modified June 8, 2017, <https://bit.ly/3oWVOEd>.

²² Abdul Rashid, Yufu Iguchi, and Siti Nur Afiqah, "Medicalization of Female Genital Cutting in Malaysia: A Mixed Methods Study," *PLOS Medicine* 17, no. 10 (2020), doi:10.1371/journal.pmed.1003303.

²³ Kajian Rintis Impak Kesihatan Female Genital Mutilation, YouTube, 2020, <https://bit.ly/3B6rjOP>.

²⁴ Sisters in Islam, "A Discourse Analysis of Media Representations of Female Circumcision in Malaysia" Sisters in Islam, 2021, <https://bit.ly/3iYsUje>.

Jadual 1: Sumber sokongan formal yang menjadi pilihan pertama responden selepas kejadian keganasan rumahtangga dan gangguan seksual

Jenis VAW	Sumber Sokongan Formal								
	Klinik Kesihatan	Hospital	Jabatan Kebajikan Masyarakat	Pengurusan di tempat kerja	Badan Agama	Pakar Kesihatan Mental	Perkhidmatan Perundungan	Talian Kasih	Polis
Keganasan rumahtangga	0.4 %	1.4%	4.4%	-	2.3%	4.8%	4.2%	9.4%	29.2%
Gangguan Seksual	0.3%	1.2%	2.9%	3.9%	-	4.5%	4.9%	8.1%	34.4%

Dapatan 12: Interaksi pemandiri bersama rakan-rakan, keluarga dan komuniti amat penting dalam mempengaruhi pemandiri untuk memutuskan supaya mereka mendapatkan bantuan

- Dapatan menunjukkan bahawa **sumber sokongan tidak formal** (contohnya rakan-rakan dan keluarga) **memainkan peranan penting** dalam menghubungkan pemandiri dengan sumber sokongan formal (contohnya polis, hospital, dan NGO).
- Tambahan lagi, kajian juga telah menunjukkan beberapa corak dalam **respon pihak ketiga** (contohnya daripada keluarga dan rakan-rakan, pegawai barisan hadapan kerajaan) yang mampu mempengaruhi keputusan pemandiri untuk mendapatkan bantuan. Respon-respon ini mungkin dilihat biasa, tetapi sebenarnya merupakan **kritis dalam menggalakkan pemandiri untuk mendapatkan bantuan daripada sumber sokongan formal**.
 - Ini termasuklah respon yang menawarkan **sokongan emosi** (secara khusus bagi meyakinkan pemandiri bahawa dirinya dipercayai), **menawarkan kepakaran, maklumat, atau pendapat** (secara khususnya maklumat mengenai struktur dan proses perundungan), **menawarkan sokongan jelas** (contohnya berkongsi sumber/hubungan) dan **menunjukkan tingkah laku profesional** (bagi pegawai barisan hadapan) yang seterusnya memberi keyakinan bahawa bantuan sentiasa adalah dekat dan boleh didapati.

Dapatan 13: Rakyat Malaysia berkemungkinan pernah melihat, mendengar, atau membaca pesanan awam mengenai keganasan rumahtangga dan gangguan seksual melalui televisyen, Facebook, dan akhbar

- Majoriti responden (lebih 80%) melaporkan pernah melihat, mendengar, atau membaca pesanan awam mengenai lebih dari satu bentuk VAW.
 - Keganasan rumahtangga menerima paling banyak respon (81.4%). Ini diikuti oleh gangguan seksual (74.6%), menghendap (29.9%), dan rogol (6.7%).
 - Tambahan lagi, hasil tinjauan mendedahkan bahawa **televisyen, aplikasi Facebook, dan akhbar** merupakan tiga medium utama di mana responden pernah menemui pesanan awam VAW sedia ada.
 - Dapatan ini konsisten, termasuk apabila data dipecahkan mengikut bahasa pilihan responden (Bahasa Malaysia, Inggeris, dan Cina) dan strata responden (luar bandar/bandar).

Saranan Penting

Saranan 1: Inisiatif pencegahan VAW di Malaysia harus ditingkatkan melalui strategi pencegahan dan pelan tindakan yang komprehensif agar dapat menjangkau capaian yang lebih luas dan berkesan

- Usaha pencegahan VAW di Malaysia perlu ditingkatkan bagi menjangkau capaian kira-kira separuh rakyat Malaysia yang cenderung menyokong sikap mewajarkan keganasan atau berpendirian tidak tetap dan cenderung menjadi subahat dalam mengamalkan sikap-sikap ini.
- Dengan mengambil strategi pencegahan komprehensif yang berkesan merentas lapisan sosio-ekologi bagi menyasarkan kesemua lapisan masyarakat dan menggunakan pelbagai strategi, usaha-usaha pencegahan VAW akan mendapat jangkauan lebih luas dan mencapai kesan yang berpanjangan.

Titik masuk utama bagi pelaksanaan strategi untuk mencegah VAW

1. Kerajaan pusat dan badan perundungan
2. Sekolah dan kemudahan pendidikan
3. Perkhidmatan Kesihatan
4. Perkhidmatan Sosial
5. Polis dan Sektor Penguatkuasaan
6. Media, Budaya Pop dan Teknologi Maklumat & Komunikasi
7. Tempat kerja
8. Sukan dan Persekutuan Rekreasi
9. Persekutuan yang didominasi lelaki (penjara, sukan, kelab, ketenteraan, pasukan polis)
10. Rangkaian komuniti, organisasi dan institusi
11. Pihak berkuasa tempatan dan kerajaan tempatan
12. Pekerjaan/ tenaga kerja ekonomi dan mengurangkan kemiskinan
13. Sektor pengangkutan

Sumber: Rangka kerja untuk memperkasa tindakan mencegah keganasan terhadap wanita oleh UN Women²⁵

- Pihak berkepentingan **harus merujuk kepada kajian berdasarkan bukti (evidence-based research) dan panduan sedia ada bagi program pencegahan**. Penilaian menyeluruh kepada intervensi berasaskan bukti yang menunjukkan keberkesanannya setakat ini berkesan dan sesuai dalam konteks Malaysia adalah diperlukan.
- Intervensi berasaskan bukti yang menjanjikan keberkesanannya termasuklah intervensi menggerakkan komuniti yang melibatkan komponen pelbagai, aktiviti pemerkasaan ekonomi wanita, inisiatif komunikasi dan media, intervensi di sekolah, program keibus bapaan, intervensi interpersonal atau hubungan sesama manusia dan sebagainya.^{26 27}
- Saranannya juga **selari dengan saranan Jawatankuasa CEDAW di dalam Pemerhatian Rumusan 2018** yang menyeru kerajaan Malaysia untuk menangani stereotaip gender termasuklah menggunakan strategi komprehensif dengan langkah yang proaktif dan berterusan yang menyasarkan wanita dan lelaki di semua lapisan masyarakat.²⁸
- Penilaian konsisten kepada usaha ini **harus dipantau bagi menilai kesan jangka panjang dan pendek**, dan sama ada ia menandakan perubahan positif, negatif, atau kekal sama.

²⁵ UN Women, "A Framework to Underpin Action to Prevent Violence against Women," UN Women, Last modified 2015, <https://www.unwomen.org/en/digital-library/publications/2015/11/prevention-framework>.

²⁶ R Jewkes et al., "Effective Design and Implementation Elements in Interventions to Prevent Violence against Women and Girls" UK Aid, 2020, <https://bit.ly/2XF10Yj>.

²⁷ The Equality Institute, "Literature Review: Ending Violence against Women and Girls," Department of Foreign Affairs and Trade, 2018, <https://bit.ly/3pv33DT>.

²⁸ CEDAW Committee, Concluding Observations, 2018

Saranan Umum No. 33 Akses Wanita kepada Keadilan oleh Jawatankuasa CEDAW

Saranan bagi stereotaip dan bias gender dalam sistem keadilan dan kepentingan pembangunan kapasiti

- Ambil langkah, termasuklah meningkatkan kesedaran dan pembangunan kapasiti bagi kesemua pihak yang terlibat dalam sistem keadilan dan pelajar undang-undang bagi menghapuskan stereotaip gender dan menerapkan perspektif gender dalam semua aspek sistem keadilan;
- Penyertaan profesional yang lain, terutamanya profesional kesihatan dan pekerja sosial, yang boleh memainkan peranan penting dalam kes keganasan terhadap wanita dan dalam hal kekeluargaan, dalam program meningkatkan kesedaran dan pembangunan kapasiti
- Memastikan program pembangunan kapasiti menangani secara khusus:
 - Isu kredibiliti dan kepentingan yang diberi kepada suara, pendapat dan testimoni wanita sebagai pihak atau saksi;
 - Standard tidak fleksibel selalunya diberikan oleh hakim dan pendakwa mengenai apa yang dinilai sebagai tingkah laku yang sesuai bagi wanita;
- Mempromosikan dialog mengenai impak negatif stereotaip dan bias gender dalam sistem keadilan dan keperluan bagi menambah baik impak keadilan kepada mangsa wanita dan pemandiri keganasan;
- Meningkatkan kesedaran mengenai impak negatif stereotaip dan bias gender serta menggalakkan advokasi berkaitan stereotaip dan bias gender dalam sistem keadilan, terutamanya dalam kes keganasan berdasarkan gender; dan
- Menyediakan pembangunan kapasiti kepada hakim, pendakwaraya, peguam dan pegawai penguatkuasa undang-undang mengenai aplikasi instrumen perundangan antarabangsa berkaitan hak asasi manusia, termasuklah Konvensyen CEDAW dan perundangan Jawatankuasa CEDAW, mengenai aplikasi undang-undang yang melarang diskriminasi terhadap wanita.

Saranan bagi pendidikan dan meningkatkan kesedaran mengenai impak stereotaip

Pendidikan dari perspektif gender

- Membangunkan kepakaran gender, termasuklah dengan meningkatkan jumlah penasihat gender, dengan penyertaan organisasi awam, akademia dan media;
- Menyebarluaskan bahan pelbagai format untuk memaklumkan wanita mengenai hak asasi manusia mereka dan ketersediaan mekanisme untuk akses keadilan. Pihak kerajaan harus memaklumkan wanita mengenai kelayakan untuk bantuan, bantuan perundangan, serta perkhidmatan sosial yang berkait dengan sistem keadilan;
- Menggabungkan program pendidikan mengenai hak asasi wanita dan kesamarataaan gender, termasuklah program literasi undang-undang, ke dalam kurikulum di setiap peringkat pendidikan yang menekankan kepentingannya peranan akses keadilan kepada wanita dan peranan lelaki dan kanak-kanak lelaki sebagai advokator dan pihak berkepentingan.

Meningkatkan kesedaran melalui masyarakat awam, media dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

- Menekankan peranan media dan ICT yang boleh menggugurkan stereotaip budaya mengenai wanita berkenaan hak mereka kepada akses keadilan. Perhatian khusus perlu ditumpukan kepada mencabar stereotaip budaya mengenai disriminasi berdasarkan gender dan keganasan, termasuklah keganasan rumah tangga, rogal dan bentuk keganasan seksual yang lain;
- Membangunkan dan melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan media dan populasi hak asasi wanita kepada akses keadilan. Langkah ini perlu diberi pelbagai dimensi dan ditumpukan kepada kanak-kanak perempuan, kanak-kanak lelaki dan lelaki yang perlu mengambil

- perhatian mengenai kepentingan dan potensi ICT untuk mengubah stereotaip budaya dan sosial;
- Menyokong dan melibatkan media dan mereka yang bekerja dalam bidang ICT dalam dialog awam yang berterusan mengenai hak asasi wanita secara umum dan dalam konteks akses kepada keadilan secara khusus; dan
 - Ambil langkah untuk mempromosikan persekitaran budaya dan sosial di mana wanita yang mencari keadilan dilihat sebagai sesuatu yang sah (*legitimate*) dan diterima berbanding hanya sebab untuk dijadikan bahan diskriminasi dan/atau stigma tambahan dan/atau stigma.

Sumber: Terjemahan Saranan Umum No. 33 Akses Wanita kepada Keadilan oleh Jawatankuasa CEDAW.²⁹

Saranan 2: Inisiatif pencegahan VAW di Malaysia harus meningkatkan kefahaman awam terhadap rogol dan keganasan bukan fizikal, khususnya gangguan siber, menghendap dan tabiat memeras/mengawal oleh pasangan

- Rakyat Malaysia menunjukkan kefahaman yang kurang terhadap rogol statutori dan fakta bahawa rogol kebiasaannya dilakukan oleh orang yang dikenali pemandiri, seperti rakan atau teman.^{30 31} Dapatkan ini menandakan **keperluan kritikal bagi meningkatkan kefahaman awam mengenai definisi dan ciri-ciri umum rogol**. Ini khususnya kerana sebahagian besar peratusan kes rogol yang dilaporkan di Malaysia melibatkan kanak-kanak perempuan di bawah usia 18 tahun dan dilakukan oleh orang yang dikenali mereka.^{32 33}
- Bentuk VAW bukan fizikal, seperti tabiat mengawal oleh pasangan dan gangguan siber, kurang dilihat sebagai keganasan. Program pencegahan VAW harus **menekankan bahawa gangguan siber, menghendap, dan tabiat memeras/mengawal pasangan juga adalah bentuk-bentuk VAW**.

Saranan 3: Inisiatif pencegahan VAW di Malaysia harus mencabar secara aktif sikap mewajarkan keganasan yang membantu mengekalkan VAW di dalam masyarakat.

- Program pencegahan sedia ada di Malaysia kebiasaannya memberi fokus kepada peningkatan kesedaran mengenai apa itu VAW, kepentingan menolak VAW, kemahiran bantuan awal psikologi (*psychological first aid*), dan maklumat mengenai sumber bantuan. Walaupun ianya masih relevan, program pencegahan perlulah:
 - Mengambil satu lagi langkah ke hadapan untuk **mencabar secara aktif sikap komuniti yang menjadi norma sosial yang mendasari dan dikongsi meluas** dan menyokong VAW dan ketaksamarataan gender.
 - Dengan melakukan perkara sedemikian, ia bantu mengenal isu keganasan terhadap wanita sebagai masalah berperingkat komuniti yang menjangkaui sikap dan perilaku individu.
 - **Menggunakan pendekatan transformatif gender** - iaitu pendekatan yang bukan sahaja menyentuh tentang perilaku keganasan yang khusus tetapi juga memberi fokus kepada usaha mencabar norma gender, ketaksamarataan gender dan idea yang menggalakkan maskuliniti berbentuk mengawal dan agresif.
 - **Menggambarkan dengan jelas bagaimana sikap-sikap tertentu dapat dilihat melalui perbualan dan bamalan sehari-hari.**
- Bagi menangani sikap dan norma sosial yang mendukung keganasan, intervensi pencegahan perlu **membina kepercayaan dan nilai bersama yang baharu dan yang** berpaksikan anti keganasan, kesamarataan gender, dan keadilan sosial.³⁴ Ini boleh dilakukan melalui:
 - Menangani fakta atau kepercayaan yang tidak tepat mengenai VAW (contohnya rogol cenderung dilakukan oleh orang yang tidak dikenali),

²⁹ United Nations, "CEDAW General Recommendation No. 33 - On Women's Access to Justice" Office of the High Commissioner of Human Rights (OHCHR), 2015, <https://bit.ly/3kgcuUj>.

³⁰ RAINN, "Perpetrators of Sexual Violence: Statistics," RAINN, Last modified 2021, <https://bit.ly/2Z7ff2y>.

³¹ Lucy Adams, "Sex Attack Victims Usually Know Attacker, Says New Study," BBC News, Last modified March 1, 2018, <https://www.bbc.com/news/uk-scotland-43128350>.

³² Muhammad Imran Ahmad et al., "Sexual Assault: A Descriptive Study of Victims Attending a Public Hospital in Ipoh," *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences* 16, no. 1 (2020): pp. 17-23, <https://bit.ly/2Z5bilB>.

³³ Home Minister, "Parliamentary Reply: Question 473," *Parliamentary Reply: Question 473, Parliamentary Reply: Question 473* (2019), <https://bit.ly/3E3Jh6y>.

³⁴ Alexander-Scott, Bell, and Holden, "Shifting Social Norms."

- Meningkatkan kesedaran terhadap kesan-kesan buruk VAW (contohnya perkahwinan kanak-kanak membahayakan pembangunan emosi dan fizikal kanak-kanak),
- Merangka semula isu dengan cara yang baru atau
- Menekankan hala tuju perubahan dalam komuniti (contohnya, semakin ramai lelaki Malaysia yang mencabar maskuliniti toksik - bagaimana dengan anda?).
- Kajian mengenai sikap terhadap VAW boleh memberikan gambaran sikap-sikap mewajarkan keganasan yang cenderung wujud dalam masyarakat dan memberi panduan mengenai pesanan awam yang perlu disebarluaskan. Walaupun bukan senarai lengkap, Jadual 2 menunjukkan contoh langkah dalam perangkaan pesanan awam yang boleh diambil dalam usaha mencegah VAW di Malaysia.
- Skuad Waja perlulah terapkan pesanan awam yang mencabar sikap mewajarkan keganasan secara aktif di dalam modul mereka. Dengan matlamat untuk menarik dan menggerakkan 100,000 sukarelawan,³⁵ Skuad Waja merupakan titik masuk yang baik dan memiliki peluang untuk menggerakkan usaha di peringkat akar umbi bagi mencabar dan menangani sikap mewajarkan keganasan.

Jadual 2: Contoh-contoh sikap mewajarkan keganasan yang cenderung dimiliki rakyat Malaysia dan pesanan awam berpadan yang boleh diwar-warkan

Tema Sikap Mewajarkan Keganasan	Soalan dengan respon yang paling membimbangkan			Contoh pesanan yang boleh diwar-warkan ³⁶
	Soalan	Respon negatif/ menyokong	Respon tidak pasti	
Melepaskan pelaku dan mempertanggungjawabkan wanita	Kebanyakan kejadian keganasan rumah tangga sebenarnya reaksi normal akibat tekanan dan kekecewaan seharian.	53.3%	15.9%	Keganasan setelah mengalami tekanan, kekecewaan, cemburu, atau kemarahan bukan perkara biasa dan tidak boleh diterima sebagai normal.
	Kadangkala wanita boleh membuat lelaki marah hingga menyebabkan mereka memukul walaupun tanpa sengaja.	43.0%	21.7%	Pilihan untuk mendera adalah pilihan yang sedar. Pelaku menggunakan keganasan untuk mengawal dan mendominasi pemandiri mereka kerana tiada orang yang memerhati dan atau mempertanggungjawabkan mereka
	Wanita yang suka menarik perhatian setiap masa perlu dipersalahkan sekiranya pasangan mereka cemburu dan memukul mereka.	30.0%	25.8%	Kebiasaan pelaku keganasan rumah tangga tidak ganas ketika di luar rumah atau di tempat awam, walaupun ketika tertekan.

³⁵ The Sun Daily, "KPWKM Targets 100,000 Waja Squad Members," The Sun Daily, Last modified October 17, 2021, <https://bit.ly/3m1MCNg>

³⁶ Safe Steps, "Family Violence Myths & Facts," Safe Steps Family Violence Response Centre, Last modified December 15, 2020, <https://bit.ly/3G7d7ZJ>.

Meremehkan keganasan terhadap wanita	Mangsa wanita yang tidak meninggalkan pasangan yang mendera turut bertanggungjawab atas penderaan yang berterusan.	44.9%	21.4%	<p>Pemandiri berisiko tinggi untuk mengalami bahaya yang lebih tinggi, termasuklah pembunuhan, apabila dia meninggalkan atau cuba meninggalkan pendera.</p> <p>Sekiranya pemandiri memilih untuk kekal dalam hubungan yang mendera, ia bukan bermakna situasinya tidak teruk. Malah ia mungkin disebabkan oleh kerisauan jika ia boleh memburukkan keadaan.</p> <p>Sebab-sebab lain mengapa pemandiri mungkin akan kekal dalam hubungan yang mendera termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ancaman bahaya oleh pelaku • Kebergantungan kewangan • Tekanan keluarga bagi mengelakkan perpecahan keluarga • Kepercayaan bahawa pasangan akan berubah • Pengasingan - kurang perhatian keluarga dan rangkaian sokongan sosial
	Saya tidak percaya ianya sesukar seperti yang dikatakan bagi wanita untuk meninggalkan hubungan yang mendera.	37.1%	33.5%	

Saranan 4: Terapkan modul mengenai mencabar sikap mewajarkan keganasan dalam latihan bagi pegawai barisan hadapan kerajaan, terutamanya bagi pegawai polis dan operator hotline Talian Kasih, dan ahli Skuad Waja.

- Kajian ini menunjukkan rakyat **Malaysia cenderung mendapatkan bantuan polis** selepas berlakunya insiden keganasan rumah tangga (29.2%) dan gangguan seksual (34.4%). Ini diikuti dengan hotline krisis nasional Talian Kasih, pakar kesihatan mental, dan perkhidmatan perundangan (Jabatan Bantuan Guaman, Pusat Bantuan Guaman, dan peguam).
- Tambahan lagi, temu ramah mendalam bersama pemandiri mendapati bahawa respon dan tabiat **pegawai barisan hadapan kerajaan boleh memainkan peranan yang kritikal dalam menggalakkan atau melemahkan semangat pemandiri untuk meninggalkan situasi mendera**.
- Pada peringkat yang pertama, adalah penting bagi pegawai barisan hadapan untuk menyedari kelaziman sikap mewajarkan keganasan, dan bagaimana sikap-sikap ini boleh memberi kesan kepada pengalaman pemandiri mendapatkan bantuan, sikap pelaku, sikap orang yang berada di sekeliling pemandiri dan kecenderungan pegawai untuk bias tanpa sedar.

Saranan 5: Memperuntukkan dana bagi kempen maklumat awam yang memperkasakan rakyat Malaysia untuk memberi respon yang sewajarnya kepada pemandiri, termasuklah melalui peningkatan kesedaran masyarakat mengenai saluran rujukan bagi perlindungan dan sokongan pemandiri.

- **Keluarga, rakan, dan komuniti kekal menjadi sumber sokongan paling penting bagi pemandiri**, lantas memainkan peranan yang kritikal dalam menghubungkan mereka dengan sumber sokongan yang formal. Ini ditunjukkan melalui hasil tinjauan dan pengalaman peribadi pemandiri dalam mendapatkan bantuan termasuklah melalui peningkatan kesedaran masyarakat mengenai saluran rujukan bagi perlindungan dan sokongan bagi pemandiri, **amat penting untuk membantu akses pemandiri kepada keselamatan dan keadilan**.

Saranan 6: Laksanakan tinjauan nasional mengukur sikap orang awam ke atas keganasan terhadap wanita sekurang-kurangnya setiap empat tahun untuk mengesan perubahan sikap di kalangan orang awam Malaysia

- Secara global, selain menjalankan kajian prevalen bagi VAW, kerajaan negara lain semakin memberi fokus kepada kajian sikap orang awam sebagai ‘indikator proksi’ tahap toleransi VAW dalam masyarakat dan sebagai cara untuk mengesan kemajuan atau kemunduran sikap orang awam.³⁷
 - **Tinjauan Nasional mengenai Sikap Komuniti ke atas Keganasan Terhadap Wanita (NCAS)** adalah tinjauan populasi yang dijalankan oleh kerajaan Australia setiap empat tahun bagi mewujudkan pengukuran berkala bagi perubahan sikap yang boleh dipantau dalam sesuatu jangka masa.
 - **Scottish Attitudes Survey (SSA)** mengenai sikap orang awam terhadap wanita dibangunkan untuk menyediakan ukuran asas pandangan orang awam mengenai VAW untuk mengukur kemajuan dalam mencapai objektif *Equally Safe - Strategi Scotland* bagi mencegah dan menghapuskan keganasan terhadap wanita - dapat diukur.
 - Tinjauan awam yang sama juga telah dilakukan oleh pihak lain di Kesatuan Eropah,³⁸ Ukraine,³⁹ China dan Sepanyol,⁴⁰ ⁴¹ serta banyak lagi negara lain.⁴²
 - Saran ini juga selari dengan saranan Jawatankuasa CEDAW di dalam Pemerhatian Rumusan 2018 yang menyeru kerajaan Malaysia “untuk memantau dan menyemak langkah-langkah yang diambil bagi melawan stereotip dalam menilai impak dan mengubahsuai langkah-langkah tersebut jika bersesuaian.
- Kajian ini menyediakan kerangka yang menggambarkan apa yang boleh dicapai melalui kajian sikap orang awam dan persepsi di Malaysia.
 - Borang soal selidik yang digunakan dalam survei merangkumi topik yang luas berkenaan keganasan terhadap wanita dan dapat menjadi asas bukti kepada institusi seperti Jabatan Perangkaan, atau Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat (KPWKM) untuk dirujuk bagi tinjauan sikap masyarakat Malaysia terhadap VAW yang bakal digubal pada masa akan datang. Ia telah menggunakan sebahagian daripada soal selidik NCAS, dan juga soalan tambahan yang menjawab kepada keimbangan khusus di Malaysia.
 - Tinjauan sikap masyarakat Malaysia terhadap VAW seharusnya dijalankan sekali setiap empat tahun bagi usaha analisa jangka panjang – seperti NCAS – yang akan membolehkan kita mengesan kemajuan dan kemunduran sikap masyarakat Malaysia terhadap VAW. Dengan cara ini, sikap rakyat Malaysia terhadap VAW boleh dikesan saban tahun dan boleh dijangka untuk dekad yang seterusnya.
 - Ini akan membantu dalam rekabentuk program pencegahan bagi generasi akan datang.
 - Kefahaman mengenai faktor yang menyumbang kepada sikap yang mewajarkan keganasan dan/ atau ketaksamarataan gender, merupakan kunci kepada pengenalpastian strategi program sedia ada, pendidikan, atau pengaruh lain yang harus dielakkan atau kerumitan mengenai VAW harus ditangani dengan lebih nuansa, dan boleh difahami oleh orang awam.
 - Pada masa yang sama, dengan mengenalpasti aspek-aspek sikap masyarakat yang menyumbang kepada sikap menentang keganasan dan ketaksamarataan, tinjauan ini dapat mengetengahkan sikap-sikap masyarakat yang perlu dicabar dan diberi penekanan dalam program pencegahan akan datang.
 - Selain itu, pengesanan sikap masyarakat terhadap VAW membolehkan kita memantau keberkesanan program pencegahan sedia ada, di mana kemajuan sikap (apabila lebih ramai orang menentang VAW dan ketidaksamaan gender) dapat dijadikan petunjuk bagi keberkesanan program, dan kemunduran pula menunjukkan yang sebaliknya dan keperluan untuk penambahbaikan.

³⁷ United Nations, *Guidelines for Producing Statistics on Violence Against Women: Statistical Surveys* New York: United Nations, 2014.

³⁸ Enrique Garcia and Marisol Lila, *Attitudes towards Violence against Women in the EU* Luxembourg: Publication Office of the European Union, 2015, <https://bit.ly/2Z98sFY>.

³⁹ United Nations Development Programme et al., *Baseline Survey of Public Perceptions and Attitudes towards Gender-Based Violence against Women in Donetsk, Luhansk and Zaporizhzhia Oblasts*, 2020, <https://bit.ly/3IY3EeW>.

⁴⁰ Menglu Yang et al., “Public Attitudes towards Intimate Partner Violence against Women and Influential Factors in China and Spain,” *Anuario De Psicología Jurídica* 31, no. 1 (2021): pp. 101-108, doi:10.5093/apj2021a13.

⁴¹ Victoria A. Ferrer-Pérez and Esperanza Bosch-Fiol, “Gender Violence as a Social Problem in Spain: Attitudes and Acceptability,” *Sex Roles* 70, no. 11-12 (2013): pp. 506-521, doi:10.1007/s11199-013-0322-z.

⁴² Thach Duc Tran, Hau Nguyen, and Jane Fisher, “Attitudes towards Intimate Partner Violence against Women among Women and Men in 39 Low- and Middle-Income Countries,” *PLOS ONE* 11, no. 11 (2016), doi:10.1371/journal.pone.0167438.

Saranan 7: Tingkatkan usaha pengumpulan data, analisis, dan ketelusan untuk VAW oleh pihak berkepentingan kerajaan

- Adalah amat penting untuk menangani secara umum keperluan meningkatkan usaha kerajaan dalam pengumpulan data, analisis, dan ketelusan.
 - **Tangani jurang data VAW:** Terdapat banyak jurang dalam pengetahuan kita mengenai VAW disebabkan kekurangan data untuk menilai sebesar mana isu VAW di Malaysia. Contohnya, statistik kebangsaan mengenai perkahwinan kanak-kanak masih kekurangan. Kajian tempatan ada mengeluarkan beberapa statistik, dan organisasi kerajaan antarabangsa juga telah menjalankan beberapa kajian. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan, terutamanya badan-badan agama dan pejabat pendaftaran negeri, akan memiliki maklumat yang paling komprehensif. Statistik terkini yang diterbitkan adalah mengenai jumlah permohonan perkahwinan kanak-kanak pada tahun 2020⁴³ - tanpa sebarang maklumat mengenai bilangan permohonan yang telah diluluskan.
 - **Tingkatkan ketelusan dan akses awam kepada data VAW:** Data yang telus dan boleh diakses awam akan membantu kita mengenalpasti sebesar mana isu VAW di Malaysia serta mengenalpasti isu-isu khusus yang berkaitan. Dalam usaha ini, penerbitkan data yang dikumpulkan oleh pihak kerajaan adalah penting juga.
 - **Bentukkan rangka kerja untuk pengumpulan dan pengurusan data:** Pembangunan rangka kerja bagi pengumpulan dan pengurusan data yang memadai dan merangkumi pengasingan data mengikut gender (gender disaggregated data) akan mengukuhkan kefahaman kita mengenai isu VAW di Malaysia, serta cara terbaik untuk memberi respon yang berkesan.

Saranan 8: Perlu lebih banyak kehendak politik dan kajian diperlukan untuk memandu arah dan rekabentuk inisiatif pencegahan bagi perkahwinan kanak-kanak dan pemotongan genitalia wanita (FGM/C) di Malaysia.

Kajian ini memberikan beberapa penelitian penting:

- **Rakyat Malaysia cenderung menentang perkahwinan kanak-kanak (70.3%),** walaupun penentangan terhadap perkahwinan kanak-kanak perempuan kurang berbanding untuk kanak-kanak lelaki. Hasil kajian ini secara umumnya sangat menggalakkan walaupun ianya hanya menggambarkan pendapat rakyat Malaysia bertumpu di bandar dan mempunyai akses kepada teknologi.
- Isu-isu yang boleh mengganggu kepercayaan ini, bergantung kepada idea seperti yang berikut:
 - malu terhadap kehamilan remaja,
 - menjaga martabat,
 - menjaga maruah keluarga
- Lebih membimbangkan, **sebahagian besar responden yang menyatakan sokongan mereka untuk perkahwinan kanak-kanak turut menyedari pelbagai bahaya yang boleh timbul akibat amalan tersebut.** Contohnya:
 - 50.0% daripada kumpulan ini mengakui bahawa perkahwinan kanak-kanak membahayakan pembesaran kanak-kanak perempuan
 - 52.7% daripada kumpulan ini mengakui wujudnya bahaya dari segi emosi dan mental.
- Ini menunjukkan, walaupun penting, **inisiatif pendidikan awam mengenai perkahwinan kanak-kanak perlu dijadikan sebahagian daripada pelan strategik menyeluruh yang menangani kesemua faktor-faktor risiko bagi amalan ini** termasuklah kemiskinan, kekurangan akses kepada pendidikan atau kekurangan akses kepada kesihatan seksual dan hak reproduktif.
- **Sebarang usaha untuk membentuk strategi atau program pencegahan bagi penghapusan FGM/C di Malaysia haruslah mempertimbangkan isu-isu berikut:**
 - kekurangan sepersetujuan (consensus) dan komunikasi daripada pihak agama dan kerajaan
 - kesalahfahaman mengenai kewajiban agama,
 - tafsiran agama, seksualiti, dan kebersihan dari yang dipengaruhi budaya,
 - amalan FGM/C yang semakin dianggap sebagai prosedur perubatan di Malaysia,

⁴³ Ida Lim, "Ministry: 543 Child Marriages, Including Applications, in Malaysia from Jan-Sept 2020: Malay Mail," Malay Mail, Last modified December 4, 2020, <https://bit.ly/3b3SS0d>.

- Nuansa Bahasa Malaysia yang menjadikannya sukar untuk menerangkan impak berbahaya amalan ini.
- **Wujudnya kekurangan maklumat dan pengetahuan mengenai FGM/C dan wujudnya keperluan untuk mengembangkan usaha kajian amalan FGM/C.** Kita juga memerlukan maklumat lanjut mengenai impak psikologi jangka panjang FGM/C, termasuk cara FGM/C mempengaruhi hubungan wanita dengan tubuhnya, seksualiti, dan keinginan seksualnya.
- **Tinjauan sikap rakyat Malaysia kepada keganasan terhadap wanita yang dijalankan oleh kajian ini boleh dikembangkan lagi** untuk merangkumi soalan berkaitan sikap masyarakat terhadap FGM/C. Usaha ini seharusnya diterajui oleh kementerian yang berkenaan, seperti Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat. Ini akan membolehkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai perspektif orang awam terhadap isu FGM/C.

Saranan 9: Laksanakan dan kuatkuaskan undang-undang dan dasar reformasi yang menjenayahkan perlakuan VAW dan menyokong kesamarataan gender

- Sikap, persepsi dan kefahaman terhadap keganasan bukan hanya kerana norma sosial masyarakat yang mendukung hierarki gender, tetapi juga disebabkan oleh struktur formal yang berfungsi untuk membenarkan atau menentang amalan keganasannya.
- **Undang-undang dan dasar yang menjenayahkan perlakuan VAW dan memupuk kesamarataan gender, memainkan peranan yang kritikal** dalam menggariskan perbezaan antara perlakuan yang boleh diterima dan tidak boleh diterima dalam kalangan masyarakat. Ianya boleh memberi impak ketara kepada perubahan norma sosial, sikap dan persepsi masyarakat mengenai VAW.¹
- Kerajaan harus melaksanakan dan menguatkuaskan pembaharuan undang-undang dan dasar bagi memperkuuhkan pendirian masyarakat terhadap VAW. Ini termasuklah, tetapi tidak terhad kepada usaha pembaharuan berikut:
 - Melengkapkan draf **Akta Kesamarataan Gender** dan membentangkannya di Parlimen
 - Membentangkan **Rang Undang-Undang Gangguan Seksual, undang-undang anti menghendap, dan Pindaan Akta Kerja** di Parlimen
 - **Menjenayahkan rogol dalam perkahwinan**, melalui pemansuhan pengecualian dalam Seksyen 375A dalam Kanun Keseksaan, yang memberi pengecualian kesalahan khusus kepada suami yang merogol isterinya.
 - **Meluaskan definisi rogol supaya lebih inklusif**, yang tidak mengehadkan pelaku kepada lelaki, dan mangsa kepada wanita.

¹ Lori L Heise, "What Works to Prevent Partner Violence? An Evidence Overview" Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), 2011, <https://bit.ly/3vTEu4N>.

Rumusan

Keganasan terhadap wanita, dalam segala bentuknya, adalah perkara lazim dalam masyarakat Malaysia dan ianya boleh memberi impak berpanjangan kepada wanita dan kanak-kanak perempuan. Walaubagaimanapun, terdapat bukti kajian yang menunjukkan bahawa VAW sebenarnya boleh dicegah dengan menangani punca asas VAW iaitu sikap komuniti dan norma sosial masyarakat.

Kajian ini memberi pencerahan kepada sikap komuniti dan norma sosial masyarakat yang kurang dikaji di Malaysia namun menjadi titik permulaan yang baik untuk menangani dan memantau VAW secara konstruktif di Malaysia. Dengan mengambil pendekatan yang komprehensif dalam program pencegahan kebangsaan, termasuk penggunaan prinsip dan amalan terbaik yang berasaskan bukti (evidence-based), perubahan dalam sikap dan norma sosial masyarakat dapat digiat dengan lebih cepat dan berkesan. Impak dari perubahan seperti ini sangatlah ketara dan mampu mengubah kehidupan bersama masyarakat Malaysia, terutamanya bagi pemandiri.

Laporan kajian penuh dan ringkasan kajian dihasilkan oleh Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) dan boleh dibaca di laman web WAO. Laporan kajian dan ringkasan ini ditulis oleh Isabel Chung, Anis Farid, dan Shazana Agha, dengan bimbingan daripada Yu Ren Chung, ahli kakitangan WAO, dan juga sukarelawan WAO. Terjemahan oleh Mohamad Ibnu Mohamed, Shazana Agha, dan Anis Farid.

Kami juga ingin meramkan penghargaan kami kepada ahli panel pakar, yang telah dibentuk untuk membimbing dan menyokong projek ini:

- Profesor Dr. Noraida Endut, Pengarah, Unit Pusat Penyelidikan Wanita & Gender (KANITA), Universiti Sains Malaysia (USM)
- Profesor Dato' Dr. Rashidah Shuib, Unit Sains Kesihatan Interdisiplin, USM
- Profesor Dr. Sajaratulnisah Othman, Jabatan Perubatan Rawatan Utama (RUKA), Universiti Malaya
- Profesor Madya Dr. Shanthi Thambiah, Rancangan Pengajian Gender, Universiti Malaya
- Profesor Madya Siti Hawa Ali, Persatuan Kesihatan Reproduktif Kelantan (ReHAK)

Mengenai WAO

Sejak 1982, Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) telah menyediakan tempat perlindungan, akses kepada kaunseling, dan bantuan krisis percuma kepada wanita dan kanak-kanak yang mengalami penderaan. Kami membantu membina semula hidup pemandiri/mangsa keganasan rumah tangga, rogol, pemerdagangan manusia, dan pelbagai penganiayaan lain. Melalui pembelajaran daripada pengalaman wanita-wanita, kami bergiat dalam usaha advokasi untuk menambah baik polisi awam dan mengubah cara berfikir masyarakat. Bersama-sama, kita mengubah kehidupan wanita. Untuk sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi kami di info@wao.org.my.

Hubungi kami

- 🌐 wao.org.my
- 🐦 twitter.com/womensaidorg
- ƒ facebook.com/womensaidorg
- instagram instagram.com/womensaidorg
- in linkedin.com/company/womensaidorg